

B A B K E L I M A

KESIMPULAN DAN SARANAN

5.0 Pendahuluan

Bab ini merupakan bahagian terakhir dalam kajian yang akan merumuskan segala penemuan, mengemukakan komentar serta saranan terhadap persoalan kajian yang telah dijalankan. Daripada penyelidikan yang dijalankan di sini dapatlah dibentangkan rumusan dan kesimpulan terhadap persoalan kajian yang telah dilaksanakan dengan melihat kepada objektif-objektif yang telah digariskan

5.1 Konsep Amalan Bertaklid

Secara umumnya amalan bertaklid terbahagi kepada 2 bentuk iaitu bertaklid dalam masalah-masalah yang berbentuk 'Aqīdah (masalah *usūl*) dan masalah-masalah Fiqh (*furu'*). Keharusan bertaklid hanya berlaku dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perkara – perkara *furu'* kerana sifat hukum tersebut lahir daripada pemahaman para *fuqahā'* terhadap sesuatu nas dalam menentukan hukum-hukum.

Justeru itu amalan bertaklid dalam masalah-masalah tersebut khususnya cara-cara berwudhu', sembahyang, berpuasa dan lain-lain hukum fekah adalah dibenarkan oleh Islam. Namun, tidak ada satu kelonggaran mahupun keharusan daripada para ulama' membenarkan bertaklid kepada perkara-perkara yang berkait dengan persoalan akidah. Larangan tersebut diasaskan dengan hujjah bahawa tiada perselisihan di kalangan ulama' tentang perkara-perkara tersebut

lantaran prinsip-prinsipnya datang daripada Allah dalam bentuk yang jelas. Selain itu setiap umat Islam wajib mempelajari secara individu kerana keyakinan kepada perkara-perkara tersebut harus lahir daripada ilmu dan keyakinan bukan ikutan semata-mata.

Sekalipun Islam membenarkan keharusan bertaklid dalam persoalan hukum fekah ini bukanlah bermakna kebenaran tersebut bersifat umum kepada semua umat Islam. Jika kebenaran tersebut bersifat mutlak kepada semua sudah tentu akan memberi kesan negatif kepada perkembangan hukum Islam. Lantaran itu para *fuqahā'* telah sependapat memutuskan bahawa keharusan bertaklid hanya berlaku kepada "*golongan orang awam*" merangkumi umat Islam yang tidak mampu berjihad untuk menentukan hukum secara bersendirian atau dalam kata lain tidak mencapai tahap *mujtahid*.

Daripada keterangan ini dapatlah difahami bahawa para ulama' yang bertaraf *mujtahid* dilarang bertaklid kepada sesuatu ketentuan hukum daripada ulama' lain kecuali dalam keadaan darurat. Istilah darurat yang dimaksudkan ialah situasi yang memerlukan penentuan hukum dalam kadar yang segera dan kelewatan menentukan hukum boleh memberi kesan kepada umat Islam serta boleh menyebabkan terhalangnya sesuatu perkara yang secara umumnya telah wajib dilaksanakan oleh umat Islam.

Rasional kepada ketetapan hukum ini boleh dilihat dari aspek kedudukan kebaikan dan kemaslahatan umat Islam itu sendiri khususnya golongan umat

Islam yang bertaraf orang awam. Keharusan bertaklid sebenarnya adalah satu rahmat kepada mereka dalam usaha mereka menunaikan segala ketetapan hukum daripada Allah. Sekiranya mereka dibebani dengan tanggungjawab perlu memastikan apa sahaja prinsip hukum yang diikuti sudah pasti ramai umat Islam tidak dapat menunaikan kewajipan hukum yang diperintahkan. Kesannya juga akan melahirkan umat Islam yang berada dalam dilema untuk mengamalkan hukum Islam itu sendiri. Larangan kepada golongan ulama' *mujtahid* pula adalah wajar kerana mereka telah dikurniakan Allah ketinggian akal fikiran, pakar dalam segala bidang ilmu yang memungkin mereka berjihad sendiri dalam menentukan kedudukan hukum bagi sesuatu persoalan yang bersifat hukum fekah.

Namun kelonggaran yang diberikan untuk bertaklid kepada ulama' lain juga sebenarnya satu rahmat kepada mereka dan umat Islam sendiri lantaran ianya memerlukan penyelesaian segera. Untuk melakukan *ijtihad* dalam kes-kes seumpama itu tidak wajar kerana lazimnya *ijtihad* memerlukan penelitian yang mendalam dan berkemungkinan mengambil masa untuk mencari jalan penyelesaiannya. Justeru itu, bertaklid kepada ketetapan yang sedia ada adalah lebih baik.

5.2 Pengaruh Taklid Dan Perkembangannya

Masyarakat umat Islam di Malaysia amnya dan di Kedah khususnya tidak terlepas daripada tempias amalan bertaklid kepada *mazhab* dalam mengikuti prinsip-prinsip hukum agama itu sendiri. Fenomena ini wujud kerana didorong oleh beberapa faktor yang menyumbang ke arah kewujudan dan

perkembangannya. Kajian ini telah membuktikan bahawa budaya *taqlid* amnya dan *taqlid* kepada *mazhab* Syāfie muncul selari dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu seterusnya berkembang berdasarkan kegiatan dakwah yang dijalankan oleh para mubaligh dari luar. Kesenambungan usaha tersebut berterusan samada secara langsung mahupun tidak langsung melalui kegiatan-kegiatan dakwah, penguatkuasaan undang-undang seterusnya sikap masyarakat yang agak *taa'sub* dengan amalan-amalan golongan terdahulu.

Ketiga-tiga faktor tersebut menjadi penyumbang terbesar dalam pengekalannya dan perkembangan budaya *taqlid* kepada *mazhab* Syāfie di dalam masyarakat Melayu di sini. Kesannya, lahirlah masyarakat yang meyakini bahawa segala amalan ibadah yang mereka lakukan benar-benar berteraskan *mazhab* tersebut.

Dengan terbinanya keyakinan tersebut juga turut memberikan kesan kepada reaksi mereka terhadap penerimaan prinsip-prinsip *mazhab* lain. Hasilnya terdapat dua golongan masyarakat umat Islam yang mempunyai prinsip tersendiri terhadap *mazhab* yang mereka ikuti dan reaksi kepada *mazhab-mazhab* lain yang wujud di dalam Islam. Golongan pertama adalah kelompok umat Islam yang kuat berpegang dengan *mazhab* Syāfie atau tidak keterlaluan dikatakan kelompok yang terlalu *ta'assub* kepada *mazhab* Syāfie kerana tidak boleh menerima *mazhab* lain. Manakala golongan kedua lebih terbuka kerana sekalipun pada prinsipnya mereka adalah pengikut *mazhab* Syāfie tetapi dalam masa yang sama mereka boleh menerima prinsip-prinsip *mazhab* lain.

Alasan yang diberikan oleh mereka jelas menunjukkan sikap keta'assuban seperti terlalu yakin bahawa *mazhab* Syāfie adalah yang terbaik, bimbang terpesong daripada melaksanakan hukum *syari'at* yang betul, bimbang terkeliru serta tidak mahu meninggalkan amalan yang telah mereka warisi daripada generasi terdahulu. Pandangan sedemikian sebenarnya mempunyai hubungkait dengan latarbelakang pendidikan golongan tersebut yang rata-ratanya hanya mempelajari ilmu-ilmu agama melalui pengajian-pengajian agama yang dijalankan di kampung-kampung yang kebanyakannya berpandukan kitab-kitab daripada *mazhab* Syāfie. Namun demikian sikap seumpama itu boleh dibaiki jika diberi pendedahan yang betul tentang konsep berbilang-bilang *mazhab* di dalam Islam serta rahmat di sebaliknya di beritahu.

Berbeza dengan golongan kedua yang rata-ratanya mendapat pendidikan agama secara formal. Dengan sedikit asas pendidikan agama yang formal turut mempengaruhi mentaliti mereka menjadi lebih terbuka. Keterbukaan sikap jelas ditunjukkan melalui respon yang diberikan oleh mereka terhadap *mazhab-mazhab* lain. Mereka boleh menerima *mazhab* lain kerana melihat adanya kebaikan yang boleh diperolehi dalam membantu mereka menjalankan ibadah-badah yang telah ditaklifkan. Golongan ini juga tidak menafikan bahawa realiti semasa juga menuntut supaya mereka menerima prinsip-prinsip *mazhab* lain kerana terdapat ruang yang boleh diterima khususnya dalam perkara-perkara yang tidak mampu disempunakan jika berpegang kepada *mazhab* Syāfie.

Kewujudan kedua-dua kelompok umat Islam begini adalah suatu realiti yang lazimnya pengaruh daripada perbezaan latarbelakang pendidikan agama mereka. Pun begitu satu perkara yang penulis merasakan satu masalah daripada kewujudan dua golongan berbeza prinsip ini ialah kesukaran untuk membawa perkara baru daripada prinsip-prinsip *mazhab* lain untuk dipraktikkan dalam masyarakat kerana sudah pasti sedikit sebanyak akan mendapat tentangan daripada segelintir masyarakat yang terlalu *ta'assub* kepada *mazhab* Syafie. Namun jika pendekatan yang hikmah dilakukan sedikit sebanyak masalah tersebut dapat diatasi.

5.3 Realiti Amalan Berzakat Padi Di Kalangan Masyarakat Melayu

Setelah menjalankan kajian mengenai amalan berzakat padi di kalangan masyarakat Melayu di daerah kajian penulis mendapati sememangnya secara umumnya prinsip-prinsip *mazhab* Syāfie diikuti. Sungguhpun demikian dalam beberapa keadaan samada disadari atau tidak para petani di daerah kajian turut menerima pakai prinsip-prinsip *mazhab* lain kerana kewajipan tersebut lebih mudah untuk disempurnakan malah ia bertepatan dengan *masalah* masyarakat setempat. Daripada keadaan itu menunjukkan sememangnya mereka telah menerima secara tidak langsung prinsip-prinsip daripada *mazhab* lain sekalipun mereka berkeyakinan masih bertaklid *kepada mazhab* Syāfie. Tidak keterlaluan bagi penulis untuk mengkategorikan golongan sedemikian sebagai bertaklid secara membuta tuli.

Selain itu, sekalipun terdapat undang-undang yang menetapkan bahawa zakat hendaklah dibayar kepada para *'amil* dan lain-lain pegawai yang dilantik atau dalam kata lain kepada pemerintah namun ianya tidak dipraktikkan secara menyeluruh. Sebahagian kecil masyarakat Melayu khususnya dalam beberapa keadaan seperti kaedah penentuan *nisāb* dan pembayaran zakat telah melaksanakannya mengikut amalan tradisi atau mengikut amalan masyarakat setempat yang dalam kata lain tidak mengikut undang-undang yang sedia ada. Fenomena ini tetap berlaku sekalipun jika mengikut undang-undang ianya merupakan satu kesalahan. Namun demikian ianya bukanlah mewakili jumlah yang besar daripada masyarakat. Pun begitu perkara tersebut tidaklah boleh dikesampingkan kerana berkemungkinan akan lahirnya perbezaan amalan berzakat padi yang ketara di kalangan masyarakat umat Islam di sini.

Justeru itu daripada kajian ini penulis dapat membuat beberapa kesimpulan iaitu :

- i. Amalan bertaklid khususnya kepada *mazhab* Syāfie sememangnya wujud di dalam masyarakat Melayu malah ianya bertepatan dengan keharusan *syara'*. Kenyataan ini dibuat kerana ruang lingkup *taklid* mereka hanyalah berkaitan permasalahan hukum fekah yang dibenarkan oleh *syara'*. Namun demikian tidak dinafikan amalan tersebut turut memberi kesan kepada mentaliti masyarakat terhadap *mazhab-mazhab* lain.

- ii. Undang-undang menetapkan *mazhab* Syafie mesti diutamakan dalam melaksanakan ibadah dan pengamalan prinsip-prinsip lain mestilah mendapat kebenaran jelas tidak dipatuhi kerana amalan zakat mengikut *mazhab* lain terus diamalkan secara berleluasa di dalam masyarakat.
- iii. Bertaklid kepada *mazhab* Syāfie sepenuhnya kadang-kadang menyulitkan, oleh itu umat Islam boleh mengikut mana-mana *mazhab* yang mereka rasakan selesa asalkan matlamat sesuatu hukum ditaklifkan tercapai kerana semua *mazhab* yang wujud adalah tidak bercanggah dengan Islam.
- iv. Sekalipun kebanyakan masyarakat mengakui mengikuti *mazhab* Syāfie, tetapi dalam beberapa keadaan mereka cuba lari daripada *mazhab* tersebut kerana mendatangkan kesukaran kepada mereka untuk melaksanakan prinsip-prinsipnya.
- v. Hasil kajian ini juga tidak dapat dinafikan dapat mengurangkan kebenaran dakwaan sesetengah umat Islam yang mengatakan *mazhab* Syāfie adalah yang terbaik dan mampu dipraktikkan dalam semua keadaan.
- vi. Beberapa peruntukkan Peraturan-peraturan Zakat Kedah 1982 dengan jelas menunjukkan bahawa menjadi kewajipan kepada

umat Islam untuk mematuhi undang-undang tersebut. Pun begitu tidak semua masyarakat di daerah kajian mengikutinya lantaran wujudnya sikap *perjudis* terhadap pihak pemerintah.

5.4 Saranan

Berdasarkan kesimpulan di atas penulis ingin mengemukakan beberapa saranan untuk memastikan amalan bertaklid *mazhab* boleh diteruskan dalam suasana harmoni demi kebaikan umat Islam khususnya dan agama Islam itu sendiri agar tidak timbul fitnah-fitnah yang bertujuan memburukkan Islam rentetan kewujudan budaya tersebut di dalam masyarakat. Selain itu penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada juga penting agar amalan masyarakat selari dengan kehendak hukum *syara'* yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Saranan ini ditujukan kepada beberapa golongan yang berpengaruh di dalam masyarakat seperti golongan pendidik masyarakat dan pemerintah serta tidak ketinggalan kepada setiap individu yang mengaku mengikut *mazhab* dalam setiap amalan mereka.

5.4.1 Peranan Tokoh-tokoh Agama

- i. Tokoh agama adalah golongan sangat berpengaruh dalam masyarakat khususnya dalam menyelesaikan persoalan-persoalan tentang agama. Jadi, mereka sepatutnya bersikap menjadi orang tengah dalam menyelesaikan sebarang persoalan yang timbul dan memberikan penyelesaian dengan melihat realiti semasa. Contohnya dalam persoalan berhubung kaedan pembayaran zakat dengan wang. Mereka perlu memberikan penyelesaian

- kepada masalah tersebut dengan melihat kepada masalah masyarakat setempat tidak hanya terikat kepada sesuatu pandangan yang mereka ikuti.
- ii. Sikap *ta'assub mazhab* tertentu dan bertaklid semata-mata tidak wajar ada dalam diri mereka. Langkah yang paling baik bagi mereka adalah melakukan penyelidikan terhadap pendapat-pendapat ulamak serta dalil-dalil yang dipegang oleh mereka dan memilih mana-mana pendapat yang difikirkan sebagai lebih hampir kepada *nas-nas syara'*.
 - iii. Bagi golongan ini, khususnya yang menjalankan kelas-kelas pengajian agama di kampung-kampung dan sebagainya, adalah disarankan agar menggunakan kitab-kitab rujukan yang asal bagi sesuatu *mazhab* ataupun kitab-kitab yang mempunyai autoriti agar segala yang di ajar benar-benar berteraskan pandangan ulama' yang muktabar sekaligus menolak dakwaan yang mengatakan berlaku tokok tambah terhadap pandangan sesetengah ulama' yang diikuti.
 - iv. Sikap "*tasamuh*" terhadap sesuatu pandangan daripada *mazhab-mazhab* lain perlu ditanam dalam diri mereka kerana telah jelas bahawa perbezaan pandangan di antara para *fuqahā'* sebenarnya terlindung hikmah disebaliknya.

5.4.2 Golongan Pemerintah

- i. Pihak Jabatan Agama seharusnya mengambil inisiatif melihat dan mengkaji semula beberapa contoh amalan khususnya yang telah diamalkan secara bertaklid agar amalan tersebut menepati prinsip-prinsip syariat. Sebagai contoh melihat semula amalan membayar zakat padi yang masih menggunakan kaedah 10 peratus atau 1 daripada 10 guni yang pada asasnya masih berada di bawah kadar nisab sebenarnya.
- ii. Menjalankan pemantauan terhadap teks-teks yang digunakan dalam kelas-kelas pengajian agama yang dijalankan di kampung-kampung agar dapat mewujudkan satu kefahaman yang seragam di kalangan umat Islam terhadap persoalan hukum supaya tidak timbul perkara-perkara yang diperselisihkan oleh mereka yang boleh memberi kesan negatif terhadap Islam itu sendiri. Sebagai contoh dalam persoalan pengiraan *nisab* dengan cara timbangan yang pernah menjadi isu sekitar awal tahun 90-an. Perselisihan itu timbul kerana terdapat sesetengah ustaz-ustaz yang mengambil sikap hanya berpandukan mazhab Syāfi'e yang mewajibkan pembayaran zakat dengan padi sedangkan realiti semasa menuntut suatu perubahan.
- iii. Pihak berkenaan perlu mencari alternatif untuk mengadakan satu program yang boleh menerangkan pelaksanaan sesuatu fatwa yang telah diputuskan agar dapat disampaikan kepada masyarakat apatah lagi fatwa-fatwa tersebut bukanlah berteraskan prinsip-prinsip daripada *mazhab*

Syafie. Contohnya fatwa tentang kebenaran bertaklid kepada *mazhab* Hanafi dalam pembayaran zakat padi kerana lebih memberi kebaikan kepada para petani.

- iv. Pihak pemerintah mestilah menguatkuasakan undang-undang Zakat sepenuhnya tanpa mengira latar belakang kawasan dari sudut perbezaan politik dan sebagainya. Perkara ini sangat penting untuk memastikan semua umat Islam melaksanakan kewajipan zakat mereka seterusnya dapat memastikan pelaksanaan ibadah tersebut selari dengan hukum *syara'* itu sendiri. Justeru itu juga dapat mengelakkan berlakunya pihak-pihak yang cuba lari daripada melaksanakan kewajipan tersebut.

5.4.3 Individu Dalam Masyarakat

- i. Semua lapisan masyarakat perlu bersifat terbuka dalam menerima sesuatu ketetapan daripada pihak pemerintah demi kebaikan mereka.
- ii. Hendaklah membuang sikap terlalu berpegang kepada amalan tradisi kerana sikap sedemikian akan merugikan mereka sekiranya sesuatu perkara baru yang diasaskan kepada *mazhab* lain diperkenalkan malah lebih praktikal serta sesuai dengan realiti semasa.

- iii. Golongan ini perlu diberikan penerangan tentang realiti “ *ta'addud al-mazahib* ” kerana dibimbangi akan timbul budaya menyalahkan mazhab lain dalam keadaan mereka tidak mengetahui kesan kepada sikap sedemikian.
- iv. Sebarang permasalahan yang timbul mengenai sesuatu hukum mestilah dirujuk kepada pihak-pihak yang berkelayakan untuk mendapatkan penjelasan. Ini bertujuan untuk mengelakkan mereka meminta pandangan daripada pihak-pihak yang tidak mempunyai autoriti yang boleh menyelewengkan kedudukan hukum yang sebenar.
- v. Adalah menjadi kewajipan golongan ini untuk mempelajari ilmu-ilmu agama supaya sekurang-kurangnya mereka mengetahui serba sedikit amalan yang mereka lakukan. Bertaklid dengan ilmu adalah lebih baik daripada mengikut secara membuta tuli kerana sekurangnya dapat mengetahui kedudukan sebenar terhadap sesuatu perkara baru yang wujud di dalam masyarakat.

5.5 Penutup

Semua perkara yang telah dibentangkan dalam kajian ini samada merangkumi pokok persoalan kajian, kesimpulan mahupun cadangan adalah satu manifestasi daripada hasil kajian yang telah dijalankan. Namun demikian tiada yang lebih penting daripada kajian ini melainkan pengajaran dan pengiktibaran

kepada semua pihak yang mengaku dirinya muslim. Ini bertujuan memastikan setiap amalan yang dilakukan sentiasa berada di atas landasan dan memenuhi matlamat tuntutan kewajipan tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa kajian ini juga tidak terlepas daripada kelemahan dan kelebihan. Sesungguhnya segala kebaikan itu adalah miliknya dan kekurangan yang ada itu milik penulis sebagai insan yang bernama manusia.